

**KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA****KENYATAAN MEDIA****PEMAKLUMAN MENGENAI TARIKH PENGOPERASIAN INSTITUT LATIHAN
KEMAHIRAN AWAM (ILKA) DAN INSTITUT LATIHAN KEMAHIRAN SWASTA (ILKS)**

Putrajaya, 10 Julai – Sejumlah **1,301** penyedia latihan kemahiran terdiri daripada; **784** buah Institut Latihan Kemahiran Awam (ILKA) dan **517** buah Institut Latihan Kemahiran Swasta (ILKS) telah dan akan beroperasi secara berperingkat mulai 1 Julai 2020. Ianya merangkumi **32** buah Institusi Latihan Kemahiran Jabatan Manusia (ILJTM) di bawah Kementerian Sumber Manusia. Seramai 79,638 orang pelajar ILKA dan 19,563 orang pelajar ILKS akan memulakan pengajian mereka sepanjang tempoh tersebut.

ILKA dan ILKS akan beroperasi berdasarkan **Prosedur Operasi Standard (SOP) Sektor Perkhidmatan Latihan Kemahiran** yang telah **diluluskan dan diwartakan pada 26 Jun 2020** oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN).

ILJTM akan **mula beroperasi pada 1 September 2020** termasuk proses pengambilan **5,847 pelajar baharu** yang ditawarkan untuk mengikuti pelbagai kursus kemahiran. ILJTM akan menggunakan kaedah pembelajaran secara maya di mana kemudahan platform digital akan disediakan untuk pelajar mengikuti kelas secara sendiri dan berjadual. Pelajar-pelajar yang tidak mempunyai akses kepada kaedah pembelajaran atas talian akan diminta untuk mengunjungi kampus ILJTM yang berhampiran dengan mereka.

KSM menggesa semua penyedia latihan kemahiran untuk mematuhi SOP yang telah ditetapkan bagi memastikan kesihatan dan keselamatan pelajar serta semua pihak yang terlibat terpelihara daripada ancaman penularan wabak COVID-19.

###

**Dikeluarkan oleh:
Kementerian Sumber Manusia
10 Julai 2020**